

KAJIAN KARYAWAN SENI KHAT TERENGGANU



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH:

**AZMAN CHE MAT, Ph.D
AZARUDIN AWANG
GHANI ISMAIL, Ph.D**

SEPTEMBER 2011

3. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dalam masa yang diperuntukkan.

Antaranya:

**Prof. Madya Tengku Yusoff Tengku Mahmud
(Rektor UiTM Terengganu 2011)**

**Prof. Madya Wan Dorishah Wan Abdul Manan
(Timbalan Rektor HEA 2011)**

**Prof Madya Dr. Azemi Che Hamid
(Timbalan Rektor PJI 2011)**

**Roszainora Setia
(Penyelaras APB UiTM Terengganu 2011)**

dan

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang membantu dari segi dana sehingga penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

5.2 Ringkasan yang Dikemaskini

Perkembangan seni khat di Terengganu dapat diperhatikan menerusi hasil-hasil karya seni berkenaan yang digunakan sebagai media komunikasi, khususnya pada peninggalan Batu Bersurat Piagam Terengganu. Malah salah seorang Sultan Terengganu, Tuanku Sultan Mahmud merupakan seorang sultan yang amat mencintai seni khat.

Kajian ini dilaksanakan untuk tujuan menelusuri tokoh-tokoh karyawan khat yang berasal dari negeri Terengganu Darul Iman. Di samping itu juga, kajian tentang perkembangan seni khat di Terengganu juga menjadi objektif kajian ini. Bahkan, keindahan seni khat yang digunakan dalam papan tanda di kebanyakan tempat di Terengganu menjadi dorongan kajian ini dilaksanakan.

Hasil pemerhatian awal, hanya seorang dua sahaja karyawan seni khat Terengganu yang dapat dikesan. Namun dengan menggunakan teknik "*snow ball*" terdapat enam orang karyawan seni khat yang dikenal pasti sebagai karyawan yang aktif dan masih tinggal di Terengganu. Melalui pendekatan kualitatif, teknik tinjauan lapangan dan temu bual digunakan sepenuhnya untuk tujuan mengumpul data. Tinjauan lapangan melibatkan rakaman lokasi dan bahan-bahan berkaitan menggunakan kamera. Manakala teknik temu bual pula melibatkan pertemuan bersemuka dengan responden kajian. Data temu bual dirakam menggunakan alat perakam.

Kaedah deskriptif digunakan untuk menerangkan dan menyusun data kajian. Menerusi rakaman lokasi dan bahan, huraian dan penjelasan dapat dihasilkan. Manakala data temu bual pula ditranskripsi. Hasil transkripsi itu dihurai dan disusun berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan.

Secara keseluruhannya, beberapa petunjuk dapat dikumpulkan untuk menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan awal mengenai kegiatan karyawan khat, latar belakang, potensi dan survival seni khat, cabaran dan juga peluang seni khat sebagai satu kerjaya dan juga produk seni.

5.3 Pengenalan

5.3.1 Pendahuluan:

Perkembangan seni khat di Malaysia kebelakangan ini dilihat amat memberangsangkan. Penganjuran pelbagai seminar dan pertandingan seni khat saban tahun memberi petunjuk bahawa seni ini sedang berkembang maju. Seni khat merupakan salah satu ciri kebudayaan yang dibawa oleh Islam ke Tanah Malaysia. Dari aspek literasi pula, perubahan dari aspek tulisan yang digunakan di Malaysia telah diambil alih oleh tulisan Arab yang kemudiannya dikenali sebagai tulisan Jawi (Abd Rahman, 2008).

Bukti-bukti sejarah telah menunjukkan bahawa Islam sampai ke Tanah Melayu pada akhir abad ke-13 Masehi dan awal abad ke 14 (Tajul Rijal & Rosni, 2002). Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Terengganu yang ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi. Jika diteliti dengan cermat, dapat diujahkan bahawa tulisan Jawi yang terdapat pada batu bersurat itu ditulis oleh seniman khat yang mahir. Hal ini kerana saiz huruf dan bentuk huruf yang dilakarkan itu adalah seimbang dan memenuhi ruang yang disediakan (satu teknik penting dalam penghasilan karya khat).

Meskipun tidak terdapat catatan yang menyatakan bahawa penulis/tukang pahat batu bersurat itu berasal dari Terengganu, namun yang pasti ialah pembesar atau pemerintah pada ketika itu sememangnya meminati seni khat. Hal ini boleh dirasakan kerana Sultan Terengganu seperti al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud amat meminati seni khat semasa hayatnya. Maka tidak hairanlah jika pengunjung yang menziarahi makam Sultan Terengganu mendapati banyak tulisan khat yang cantik dan indah menghiasi makam tersebut.

5.3.2 Persoalan Kajian:

1. Siapakah karyawan-karyawan khat Terengganu yang giat mengusahakan seni khat di Terengganu?
2. Bagaimanakah perkembangan seni khat di Terengganu pada masa kini?

5.3.3 Objektif Kajian:

1. Menjejaki karyawan seni khat di negeri Terengganu,
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan seni khat di Terengganu.

5.3.4 Definisi Terma:

Karyawan: dimaksudkan dalam kajian ini ialah orang persendirian yang mampu dan berbakat dalam menghasilkan seni khat. Dia juga merupakan yang telah mendapat pengiktirafan daripada masyarakat akan sumbangan karya seni yang dihasilkan.

Seni Khat: iaitu satu seni dalam tamadun Islam yang berasaskan aksara Arab/Jawi. Karya seni khat selalunya digunakan untuk menyalin teks al-Quran dan hadis dan dipersembahkan dalam pelbagai gaya.

Kandungan

1. Surat Penyerahan Laporan	III
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan)	IV
3. Penghargaan	V
4. Tajuk dan Objektif Kajian yang Dikemaskini	VI
5. Laporan.....	1
5.1 Ringkasan Penyelidikan Asal	2
5.2 Ringkasan Penyelidikan yang dikemaskini	3
5.3 Pengenalan.....	3
5.4 Ringkasan Kajian Literatur	5
5.5 Metodologi	7
5.6 Dapatan dan Perbincangan.....	8
5.7 Kesimpulan dan Cadangan	12
5.8 Rujukan/Bibliografi	13
6. Hasil Penyelidikan.....	14
7. Lampiran.....	15
Lampiran A: Protokol Kajian	
Lampiran B: Ustaz Halias Abu Bakar	
Lampiran C: Ustaz Syed Ubaidillah Syed Muhammad	
Lampiran D: Ustaz Syed Umar Syed Muhammad	
Lampiran E: Ustaz Ahmad Zafwan Dato' Hj Embong	
Lampiran F: Ustaz Samsudin Haji Abdullah	
Lampiran G: Ustaz Syafiq Muhammad	
Lampiran H: Buku Biografi Seniman Khat Terengganu	